



JABATAN CETAK KERAJAAN

Km. 4, Jalan Tuaran

Beg Berkunci No. 2004

88554 Kota Kinabalu, Sabah, Malaysia

E-mel: pengarah.jck@sabah.gov.my Tel.: 088-538767 Faks: 088-217034



Ruj. Kami: JCK:100-4/1 Klt. 22 (75)
Tarikh: 30 Julai 2026

Yang Berhormat Setiausaha Kerajaan Negeri
Yang Berbahagia Setiausaha Persekutuan Sabah
Semua Setiausaha Tetap Kementerian
Semua Ketua Jabatan Kerajaan Negeri dan Persekutuan
Semua Ketua Pengurusan Badan Berkanun
Semua Presiden Majlis Perbandaran
Semua Ketua Eksekutif Pihak Berkuasa Tempatan Negeri
Semua Pegawai Daerah
Semua Penolong Pegawai Daerah Kecil

Yang Berhormat Datuk/Yang Berbahagia Datuk/Datin/Tuan/Puan,

TEMPAHAN BUKU CATATAN HARIAN RASMI DAN BUKU DIREKTORI BAGI TAHUN 2027

Dengan segala hormatnya, perkara di atas adalah dirujuk.

2. Dimaklumkan bahawa Jabatan Cetak Kerajaan akan membuka tempahan Buku Catatan Harian Rasmi dan Buku Direktori bagi tahun 2027. Sehubungan itu, YB. Datuk/YBhg. Datuk/Datin/Tuan/Puan adalah dipelawa untuk membuat tempahan mengikut keperluan Kementerian/Jabatan/Badan Berkanun/Agensi masing-masing.

3. Harga buku dan caj tambahan bagi perkhidmatan cetakan adalah seperti berikut:

BIL.	PERKARA	HARGA (RM)
A. HARGA BUKU		
1.	Buku Catatan Harian Rasmi	30.00 senaskhah
2.	Buku Direktori	12.00 senaskhah
B. CAJ TAMBAHAN CETAKAN		
1.	Cetakan nama sahaja	5.00
2.	Cetakan nama dan jawatan (dua (2) hingga tiga (3) baris)	10.00
3.	Cetakan nama, jawatan dan Kementerian/Jabatan/Agensi (terhad kepada maksimum empat (4) baris)	15.00

2/..

“SABAH MAJU JAYA”

Rujukan: JCK:100-4/1 Klt. 22 (75)
Tarikh: 30 Julai 2026

TEMPAHAN BUKU CATATAN HARIAN RASMI DAN BUKU DIREKTORI BAGI TAHUN 2027

4. Bagi membuat tempahan, YB. Datuk/YBhg. Datuk/Datin/Tuan/Puan hendaklah melengkapkan **Borang Tempahan seperti di Lampiran A. Lampiran B** pula hendaklah dilengkapkan sekiranya terdapat perubahan atau pengemaskinian maklumat Kementerian/Jabatan/Badan Berkanun/Agensi.

5. Borang tempahan dan borang pengemaskinian maklumat hendaklah dikemukakan melalui e-mel kepada Pengarah.jck@sabah.gov.my atau diserahkan terus ke kaunter Jabatan Cetak Kerajaan. Tarikh tutup tempahan dan pengemaskinian maklumat adalah **pada atau sebelum 4 September 2026 (Jumaat), jam 5.00 petang.**

6. Sebarang pertanyaan berkaitan tempahan ini, sila hubungi Encik Mohd. Rafie bin Suheli atau Puan Jeannette @ Anehe Ewang Mantais di talian 088-538243 / 088-255322.

Kerjasama dan perhatian YB. Datuk/YBhg. Datuk/Datin/Tuan/Puan dalam perkara ini amat dihargai.

Sekian, terima kasih.

"MALAYSIA MADANI"

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menjalankan amanah,



(LIEW CHERN WEI)

Pencetak Kerajaan Negeri

Pencetak Kerajaan Negeri,
Jabatan Cetak Kerajaan Sabah,
KM. 4, Jalan Tuaran,
Beg Berkunci No. 2004,
88554 KOTA KINABALU.

Puan,

TEMPAHAN BUKU CATATAN HARIAN RASMI BAGI TAHUN 2027

Merujuk kepada perkara tersebut di atas, Kementerian/Jabatan/Agensi ini membuat tempahan seperti butiran yang berikut:

Bil.	Perkara	Kuantiti
1.	Buku catatan harian	
2.	Buku catatan harian dengan cetakan nama (Sila kepilkan senarai nama, jawatan dan jabatan)	
3.	Buku direktori	
Jumlah Keseluruhan		

2. Untuk makluman, perbelanjaan ini akan dibayar menggunakan peruntukan Kementerian/Jabatan/Agensi ini bagi tahun 2027. Sebarang pertanyaan berhubung perkara di atas, sila hubungi di talian

Sekian, terima kasih.

Nama Ketua Jabatan:

Jawatan:

Nama Kementerian/Jabatan/Agensi:

Tarikh:

* Sila Imbas kod QR di bawah dan memuat naik tempahan dan pengemaskinian dalam format **PDF** selewat-lewatnya pada **04 September 2026 (Jumaat) pukul 5.00 petang**.



“SABAH MAJU JAYA”

**PENGEMASKINIAN MAKLUMAT KEMENTERIAN/JABATAN/BADAN BERKANUN DAN
AGensi NEGERI**

Bahagian A

Nama Jabatan: _____

Alamat Jabatan: _____

No. Telefon: _____ No.Faks: _____

Bahagian B

Ketua Jabatan/SUT: _____

Alamat: _____

E-Mel Rasmi: _____

No. Telefon: _____ No.Faks: _____

Bahagian C

Senarai Pegawai:

BIL.	JAWATAN	ALAMAT/EMEL RASMI	NO. TELEFON	NO. FAKS

* Sila Imbas Kod QR di bawah dan memuat naik tempahan dan pengemaskinian dalam format PDF selewat-lewatnya pada **04 September 2026 (Jumaat) pukul 5.00 petang.**



“SABAH MAJU JAYA”